

**EMBARGO SEHINGGA 6 MAC 2018, 3.00 PETANG**

## **PELABURAN YANG DILULUSKAN PADA 2017 MEWUJUDKAN 139,520 PELUANG PEKERJAAN TAMBAHAN DI MALAYSIA**

1. Pada tahun 2017, Malaysia mencatatkan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM197.1 bilion dalam sektor-sektor perkilangan, perkhidmatan dan utama. Jumlah ini adalah daripada 5,466 projek yang akan menjana 139,520 peluang pekerjaan tambahan untuk negara. Pelaburan langsung domestik (DDI) menyumbang sebahagian besar atau 72.2% iaitu RM142.4 bilion, manakala pelaburan langsung asing (FDI) menyumbang sebanyak RM54.7 bilion, menghasilkan 27.8% daripada jumlah keseluruhan.
2. Prestasi pelaburan keseluruhan telah menurun sebanyak 7.4%. Ini disebabkan oleh penurunan sebanyak 17.2% bagi pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkhidmatan daripada RM146.2 bilion pada 2016 kepada RM121.1 bilion pada 2017. Penurunan ini disebabkan oleh pengurangan nilai pelaburan dalam subsektor harta tanah sebanyak 28.7% kepada RM45.7 bilion meskipun terdapat peningkatan sebanyak 43.1% dalam bilangan projek yang diluluskan, mencerminkan perubahan dalam strategi pelaburan dalam sesubsektor yang menghala kepada projek bersaiz kecil.
3. Namun begitu, prestasi pelaburan keseluruhan telah diperkuatkan oleh sektor perkilangan dan utama yang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 8.9% dan 51.2%. Aspek kualitatif pelaburan yang di bawa masuk ke Malaysia pada tahun 2017 dapat dilihat secara jelas dari pelbagai sudut, seperti peluang pekerjaan dan perniagaan serta pemindahan teknologi.
4. Semakin banyak syarikat global yang menjadikan Malaysia sebagai hab mereka. Ini termasuk **Osram Opto Semiconductors** iaitu kilang cip LED yang paling canggih di dunia, **B.Braun** iaitu Pusat Kecemerlangan Global untuk produk Akses Intravena yang merangkumi pengeluaran serta fungsi R&D, hab pembuatan ASEAN **Peugeot**, Pusat Pengedaran Serantau dan Rantaian Bekalan untuk ASEAN oleh **IKEA**, Ibu Pejabat Serantau ASEAN oleh **Honeywell**, dan **Schlumberger** yang menjadikan Malaysia sebagai hab perkhidmatan perkongsian terbesar di dalam kumpulan mereka selain pusat perkhidmatan perolehan, hab sumber manusia, pusat kewangan dan dua hab serantau.

## **Sektor Perkilangan**

5. Sektor perkilangan merekodkan jumlah pelaburan yang diluluskan sebanyak RM63.7 bilion, meningkat 8.9% daripada RM58.5 bilion pada 2016.

### ***Pelaburan mengikut Industri***

6. Produk petroleum termasuk petrokimia dan gas asli mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi sebanyak RM26 bilion, diikuti oleh produk elektronik & elektrik (E&E) (RM9.7 bilion), produk mineral bukan logam (RM7.7 bilion), kelengkapan pengangkutan (RM4.8 bilion), kimia dan bahan kimia (RM4.1 bilion), jentera & peralatan (RM2.2 bilion), pembuatan makanan (RM2.1 bilion) dan peralatan saintifik & pengukuran (RM2.0 bilion). Lapan industri ini menyumbang RM58.6 bilion atau 92% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor ini.
7. Industri E&E di Malaysia telah berkembang sejak bertahun-tahun. Bermula dengan hanya beberapa syarikat global pada tahun 1970-an yang menjalankan aktiviti berintensif buruh, berteknologi rendah dan bernilai tambah rendah, industri ini kini mempunyai pelbagai rangkaian semikonduktor, solar dan LED yang memperlihatkan banyak syarikat mengusahakan produk bernilai tambah tinggi dan aktiviti *front-end* termasuk reka bentuk, penyelidikan dan pembangunan. Sebagai contoh, Intel yang hanya menjalankan aktiviti pemasangan dan ujian pada masa dahulu kini terlibat dengan integrasi penuh pemasangan & ujian termasuk aktiviti R&D dengan penyelesaian sistem *internet of things* (IoT) yang lengkap. Contoh lain termasuk pelabur jangka masa panjang Malaysia seperti Osram, Infineon, Motorola dan Panasonic.
8. Pengukuhan ekosistem E&E telah memberi limpahan manfaat kepada pembangunan pemain industri tempatan. Ini termasuk syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti fabrikasi wafer seperti SilTerra, syarikat-syarikat yang terlibat dalam pemasangan semikonduktor *outsourced* serta aktiviti ujian seperti Inari dan Globetronics, syarikat-syarikat yang mengeluarkan peralatan ujian automatik seperti ViTrox dan VisDynamics, syarikat-syarikat yang menyediakan perkhidmatan perkilangan elektronik seperti K-One Technology, Nationgate dan SMT Technologies, serta syarikat-syarikat yang terlibat dalam *IC Design* seperti Infinecs dan Oppstar Technology.

## *Domestik vs Asing*

9. Pelaburan domestik adalah dominan, menyumbang 66.2% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan, manakala baki adalah dari FDI. Sebahagian besar pelaburan domestik merupakan projek baru (RM31.8 bilion) manakala RM10.3 bilion merupakan projek pembesaran atau pelbagai.
10. Pada tahun 2017, MIDA telah meluluskan satu lagi projek **Pengerang Integrated Complex (PIC)**, sebuah kompleks penapisan dan petrokimia yang berintegrasi tinggi yang dijangka menonjolkan status Malaysia sebagai peneraju global dalam industri produk petrokimia. Ia adalah sebahagian daripada 22,000 ekar Petroleum Integrated Pengerang Complex (PIPC) dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak USD27.2 bilion. Apabila selesai, PIC akan menyediakan 4,000 peluang pekerjaan. Setakat Januari 2018, progres pelaksanaan projek PIC adalah mengikut jadual yang ditetapkan pada iaitu 84%.
11. Di samping Pengerang, pelaburan domestik yang diluluskan termasuk syarikat-syarikat yang majoritinya dimiliki oleh rakyat Malaysia adalah seperti Petronas Floating LNG1 dan Malaysian Refining Company dalam produk petroleum termasuk industri petrokimia dan gas asli, Salutica Allied Solutions dan Inari Technology dalam industri E&E, Muhibbah Marine Kuantan untuk pembinaan kapal dan segmen pembaikan kapal, SME Aerospace dan T7 Kilgour dalam aeroangkasa, Sokachem dalam kimia & industri kimia, Ibronx dan Greatech Integration dalam industri M&E, dan Upha Pharmaceutical dan Duopharma dalam industri farmaseutikal.
12. Pelaburan asing terbesar sektor ini ialah dari Republik Rakyat China (PRC), Switzerland, Singapura, Belanda dan Jerman. Lima negara ini menyumbangkan RM12.1 bilion atau 56% pelaburan asing yang diluluskan pada 2017. Pada tahun 2016, pelabur asing utama ialah PRC, Belanda, Jerman, UK dan Republik Korea dengan jumlah pelaburan sebanyak RM15.4 bilion.
13. Meskipun China merupakan sumber utama FDI selama dua tahun berturut-turut, nilai pelaburannya telah menurun sebanyak 18.7% daripada RM4.8 bilion pada 2016 kepada RM3.9 bilion pada 2017. Pelaburan China adalah dalam pelbagai industri termasuk produk mineral bukan metalik, kelengkapan pengangkutan, produk getah dan produk E&E.
14. Projek-projek dengan penyertaan China yang diluluskan pada 2017 termasuklah Longi, Xinyi Energy Smart, Xinyi Solar, Jeje Energy Technology, CGPV Industrial Building System, Just Energy Technology dan Intco Malaysia. **Longi** misalnya telah membuat pelaburan lebih daripada RM1 bilion bagi membangunkan sebuah loji solar bersepadu di Zon Industri Bebas Sama Jaya. Pelaburan ini telah mewujudkan 2,142 peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia, di mana 569 berada dalam kategori pengurusan, profesional dan teknikal. Bagi **CGPV Industrial Building System**, sehingga Disember 2017, syarikat telah melabur lebih daripada RM400 juta dan menyediakan 217 pekerjaan untuk pengeluaran komponen sistem bangunan industri (IBS) termasuk panel konkrit, papak, tiang, baluk dan panel dinding bertetulang.

15. Secara keseluruhannya, pelabur asing lebih aktif dalam projek pembesaran dan pelbagai dalam sektor perkilangan, menyumbang RM13.9 bilion atau 64.4% daripada jumlah pelaburan asing yang diluluskan dalam sektor perkilangan untuk tahun 2017, sementara projek baru menyumbang kepada selebihnya. Kebanyakan projek ini melibatkan pengeluaran barang berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi; satu langkah penting ke arah mencapai cita-cita industri Malaysia.
16. Di antaranya termasuk Osram, Robert Bosch, B. Braun, Longi, Visco, AJ Biologics, Verdezyne, Shibata, Fatty Chemical, Altech Chemical, Bruker Malaysia, Sandisk, Infineon, Hotayi, Liquide Air, Hanwha Q Cells, Sato Malaysia dan ASE Electronics Malaysia.
  - a. Sebagai contoh, **Osram Opto Semiconductor** terus mengembangkan operasinya dengan pembukaan kemudahan semikonduktor barunya yang canggih. Dengan ini, Malaysia kini mempunyai kilang cip LED termaju di dunia dan ekosistem LED yang lengkap. Dengan pengembangan ini, pelaburan syarikat kini berjumlah RM4.2 bilion dan akan menyediakan 7,790 peluang pekerjaan menjelang 2020, di mana 73% adalah untuk rakyat Malaysia.
  - b. Terdapat juga projek pembesaran berjumlah RM2.6 bilion oleh **Robert Bosch Malaysia** untuk menghasilkan panel klaster dan modul sambungan, menambah 194 pekerjaan bernilai tambah tinggi ke dalam negara. Malaysia bakal mendapat manfaat daripada usaha syarikat untuk pembangunan vendor tempatan serta bakal memperoleh keuntungan eksport, kerana 100% produk syarikat yang dibuat di Malaysia bakal dieksport.
  - c. **B. Braun Medical Industries** juga mempunyai projek pengembangan yang diluluskan bernilai RM1.2 bilion untuk mengeluarkan peralatan perubatan, *pharmaceutical sterile intravenous (IV) solutions*, serta instrumen pembedahan dan implan menggunakan proses automatik dan canggih, dan mengwujudkan 809 pekerjaan baru di mana 164 adalah jawatan yang bergaji RM10,000 sebulan dan ke atas.
  - d. **Verdezyne** juga mempunyai pelaburan yang diluluskan untuk pembuatan *dodecanedioic acid* (DDDA) menggunakan teknologi penapaian yis, menjana 75 pekerjaan tambahan, dengan beberapa kategori bergaji RM10,000 sebulan atau lebih tinggi. Kemudahan perkilangan bahan kimia yang boleh diperbaharui berskala komersial pertama ini akan menambah kemajuan bioteknologi di negara dan menjadi pemangkin bagi industri sawit.

### ***Nisbah CIPE***

17. Projek-projek perkilangan yang diluluskan pada tahun lepas adalah lebih berintensifkan modal. Intensiti modal, diukur oleh nisbah modal pelaburan bagi setiap pekerja (CIPE) untuk projek yang diluluskan dalam sektor perkilangan tahun lepas mencatatkan kenaikan ketara sebanyak 23.7% daripada CIPE sebanyak RM912,239 pada 2016 kepada RM1,128,742 pada tahun 2017. Terdapat 9 projek yang diluluskan dengan pelaburan sekurang-kurangnya RM1 bilion, berjumlah

RM34.7 bilion atau 54.5% daripada jumlah pelaburan yang diluluskan dalam sektor ini. Bagi pelaburan sekurang-kurangnya RM100 juta, 80 projek telah diluluskan dengan pelaburan sebanyak RM52.4 bilion (82.3%) daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan dalam sektor ini.

### **Peluang Pekerjaan Yang Diwujudkan**

18. Dari jumlah 687 projek yang diluluskan, 56,420 peluang pekerjaan telah diwujudkan. Daripada jumlah ini, 14,155 (25.1%) berada dalam kategori pengurusan, teknikal, atau penyeliaan, peningkatan sebanyak 21% daripada 2016. Sementara itu, sejumlah 9,870 (17.5%) adalah jawatan untuk pekerja mahir. Industri E&E menjana peluang pekerjaan paling tinggi dengan 10,593 pekerjaan, diikuti oleh peralatan pengangkutan (9,112), dan mesin & peralatan (6,078).

### **Pelaburan Mengikut Negeri**

19. Johor merupakan penerima pelaburan yang diluluskan tertinggi dengan jumlah RM21.9 bilion, diikuti Pulau Pinang (RM10.8 bilion), Sarawak (RM10.5 bilion), Selangor (RM5.6 bilion) dan Melaka (RM4.7 bilion). Lima negeri ini menyumbang 84% kepada jumlah pelaburan yang diluluskan pada tahun 2017. Pada tahun 2018, MIDA bekerjasama dengan setiap Agensi Negeri dalam program *Invest Series* untuk mempromosikan kelebihan unik dan kompetitif setiap negeri di negara ini. Setakat ini, MIDA telah melaksanakan 4 sesi meliputi Perlis, Kedah, Kelantan dan Pahang. Setiap sesi telah dihadiri oleh seramai 100-150 peserta yang terdiri daripada syarikat-syarikat besar, dewan dan persatuan perniagaan asing dan tempatan.

### **Pelaburan yang Dilaksanakan**

20. Seatakan 31 Disember 2017, 2,920 daripada 3,698 projek perkilangan yang telah diluluskan dalam tempoh lima tahun 2013 hingga 2017 adalah dalam peringkat pengeluaran manakala selebihnya masih dalam peringkat pembinaan atau fasa akhir pemasangan mesin. Jumlah pelaburan dalam projek-projek yang dilaksanakan adalah sebanyak RM201.4 bilion. Sebanyak 45 projek dengan pelaburan sebanyak RM6.3 bilion telah memperoleh tapak kilang, manakala 575 projek (RM71.9 bilion) berada dalam peringkat perancangan aktif. Apabila 620 projek-projek ini dilaksanakan, pelaburan tambahan bagi projek-projek perkilangan ini akan berjumlah RM78.2 bilion.
21. Pada tahun 2016, daripada sejumlah 733 projek yang diluluskan, 617 projek atau 84% telah mulakan pengeluaran. Pelaburan yang direalisasikan ini telah mewujudkan 47,617 pekerjaan untuk negara, di mana 22.5% berada dalam skala gaji melebihi RM3,000. Sementara itu pada tahun 2017, walaupun baru diluluskan dalam tahun lepas, terdapat 215 projek yang sedang dalam pengeluaran. Pelaburan yang direalisasikan ini telah mewujudkan 15,147 pekerjaan untuk negara. 31% daripada pekerjaan ini adalah yang bergaji melebihi RM3,000. Contoh-contoh projek yang diluluskan pada tahun 2016 dan 2017 yang sudah pun di peringkat pengeluaran, adalah seperti Sanmina-SCI Systems, BASF Petronas Chemicals,

Straits Orthopaedics, Go Automobile Manufacturing, Spirit AeroSystems, Keysight Technologies, Omni Oil Technologies dan Press Metal Bintulu.

## **Sektor Perkhidmatan**

22. Sektor perkhidmatan kekal sebagai penyumbang terbesar kepada jumlah pelaburan yang diluluskan, menyumbang 61.4% atau RM121.0 bilion pada 2017. Nilai pelaburan diluluskan tahun-ke-tahun untuk sektor perkhidmatan menguncup 17.2% tahun lepas namun bilangan projek mencatatkan peningkatan sebanyak 7.7% daripada 4,392 projek yang diluluskan pada 2016 kepada 4,731 pada tahun 2017. Pelaburan domestik menduduki bahagian terbesar sektor perkhidmatan sebanyak RM92.2 bilion, manakala pelaburan asing merangkumi RM28.8 bilion.
23. Subsektor hartanah mewakili bahagian tertinggi sebanyak RM45.7 bilion atau 37.7%, diikuti oleh pertubuhan global (RM14.0 bilion atau 11.6%), perkhidmatan kewangan (RM11.8 bilion atau 9.7%) dan perdagangan pengedaran (RM9.4 bilion atau 7.8%).
24. Pertubuhan global yang diluluskan pada 2017 menyumbang pelaburan sebanyak RM14.0 bilion dan menjana 2,028 peluang pekerjaan untuk Malaysia. Daripada 225 projek pembangunan global, 9 adalah projek Hab Utama (PH), menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 28 projek PH yang diluluskan sejak skim itu diperkenalkan pada tahun 2015. Syarikat terkemuka dengan pertubuhan global di Malaysia termasuk Nestle, Honeywell, Lazada, Huawei, Ikea, Roland, FM Logistics, Pos Malaysia dan Integrated Device Technology. Skim ini bukan sahaja membawa komitmen perniagaan untuk jangka masa panjang, tetapi juga menggunakan perkhidmatan perbankan Malaysia, perkhidmatan kewangan dan perkhidmatan sampingan lain sambil menjana peluang pekerjaan yang berkemahiran tinggi.
25. Pada tahun 2017, projek PH yang diluluskan merupakan gabungan MNC besar dan kecil dengan perbelanjaan perniagaan komited sebanyak RM13.64 bilion, menggunakan perkhidmatan sampingan bernilai RM1.21 bilion. Projek-projek ini akan mewujudkan 569 peluang pekerjaan baru bernilai tinggi dengan peluang yang luas bagi pemindahan pengetahuan untuk rakyat Malaysia. Antaranya ialah syarikat asing dari Belanda, Emiriah Arab Bersatu, Jerman, Jepun dan AS yang beroperasi dalam sektor ekonomi utama seperti E&E, komoditi dan makanan & minuman.
26. Projek PH yang diluluskan pada tahun 2017 termasuk **Integrated Device Technology (IDT)**, peneraju global dalam industri semikonduktor; **Roland**, pengeluar alat muzik elektronik terkemuka di Jepun; dan **IKEA**, peruncit perabot terbesar yang berpusat di Belanda. Dengan penubuhan baru IDT, Malaysia akan

menjadi pusat Pusat Teknologi Automotif Maju, di mana aktiviti operasi ujiannya akan dipindahkan dari Jerman ke negara ini. Ini bakal memberi manfaat kepada rakyat Malaysia dari segi pemindahan teknologi canggih dan pengetahuan. Bagi Roland, Hab Utama tersebut bakal merasionalisasikan rantai bekalan global Kumpulan syarikatnya dengan memusatkan aktiviti perancangan, perolehan, logistik, jualan dan pemasaran dan R&D untuk mencapai sinergi dan bagi mengoptimumkan serta meningkatkan keuntungan Kumpulan. Pusat Pengedaran dan Pembekalan Serantau IKEA di Pulau Indah, Selangor akan memberi perkhidmatan kepada 12 kedai runcit di ASEAN, yang bakal meningkat kepada 20 kedai menjelang 2026.

27. Bagi tahun 2017, pertumbuhan positif dalam sektor perkhidmatan telah didaftarkan untuk subsektor yang mempunyai aktiviti nilai tambah yang secara relatif tinggi seperti perkhidmatan penjagaan kesihatan, pengangkutan, hotel & pelancongan dan perdagangan pengedaran.

- a. Subsektor perkhidmatan penjagaan kesihatan 2017 melonjak 136.1% kepada RM445.1 juta daripada pelaburan RM188.5 juta yang diluluskan pada 2016. Usaha berterusan Malaysia untuk mengekalkan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi menyumbang kepada peningkatan dalam pelancongan perubatannya. Menurut *Malaysia Healthcare Travel Council* (MHTC), Malaysia pantas menjadi destinasi pelancongan perubatan yang terkenal, di mana kebanyakkan pengunjung datang untuk menjalani pembedahan kosmetik, rawatan pergigian dan rawatan ortopedik. Antara pemain penjagaan kesihatan utama di Malaysia adalah KPJ Healthcare Berhad, IHH Healthcare Berhad (Hospital Pantai dan Gleneagles), Ramsay Sime Darby Healthcare dan Columbia Asia Malaysia.
- b. Pelaburan yang diluluskan bagi subsektor pengangkutan meningkat 119% pada 2017 kepada RM4.5 bilion daripada RM2.0 bilion pada 2016, di mana RM4.3 bilion disumbangkan oleh pelabur domestik, dan RM237.6 juta daripada pelabur asing. Sektor penerbangan menyaksikan 13 projek baru dengan jumlah pelaburan sebanyak RM596.7 juta, 1 projek dalam segmen pembinaan dan penyelenggaraan lebuh raya berjumlah RM3.7 bilion dan 2 projek dalam segmen maritim berjumlah RM180.2 juta.
- c. Malaysia yang kian popular sebagai pasaran pelancongan mewah telah membantu meletakkan sektor pelancongan negara sebagai salah satu penyumbang besar kepada kejayaan ekonomi negara. Sebanyak 70 projek bernilai RM9.2 bilion telah diluluskan dalam subsektor ini tahun lepas. Malaysia telah menerima banyak penghargaan dalam sektor pelancongan termasuk 10 destinasi pelancongan utama di dunia oleh *Euromonitor*

*International Report 2017.* Pencapaian ini menggariskan daya tarikan dan keupayaan sektor pelancongan negara.

28. Sektor perkhidmatan, secara keseluruhannya terus menjadi penyumbang pekerjaan terbesar dalam ekonomi yang telah mewujudkan 82,172 peluang pekerjaan pada 2017 atau 59% daripada jumlah peluang pekerjaan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama. Perdagangan pengedaran, syarikat status MSC, dan hotel dan pelancongan menjana sebahagian besar atau 84% daripada jumlah peluang pekerjaan dalam sektor perkhidmatan.
29. Transformasi sektor perkhidmatan adalah berterusan dengan penekanan kepada peralihan ke arah sektor yang berintensifkan pengetahuan dan berfokuskan inovasi. Sebagai contoh, dalam meningkatkan potensi sektor e-dagang negara, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membangunkan infrastruktur kewangan dan logistik, yang merupakan tulang belakang ekosistem e-dagang. Sumbangan E-dagang kepada KDNK dijangka berkembang kepada 6.4% pada tahun 2020. Dengan memperkenalkan inisiatif Digital Free Trade Zone (DTFZ) dan Go e-Commerce sebagai contoh, sumbangan e-dagang kepada KDNK dijangka lebih tinggi daripada kadar sasaran.

## **Sektor Utama**

30. Tahun lepas, sektor utama menyaksikan peningkatan sebanyak 51.2% dalam pelaburan yang diluluskan daripada 48 projek bernilai RM12.4 bilion berbanding RM8.2 bilion daripada 41 projek pada 2016. Pelaburan dari sumber domestik berjumlah RM8.1 bilion atau 65.3% sementara asing pelaburan menyumbang RM4.3 bilion atau 34.7%. Subsektor perlombongan yang dipelopori dengan pelaburan yang diluluskan sebanyak RM11.7 bilion dalam 32 projek, terutamanya dari aktiviti penerokaan minyak dan gas. Ini diikuti oleh subsektor perladangan dan komoditi dengan pelaburan sebanyak RM672 juta, dan subsektor pertanian menjadikan selebihnya pelaburan diluluskan.

## **Maju Kehadapan**

31. Prestasi pelaburan keseluruhan di Malaysia dijangka akan tumbuh dengan kadar KDNK pada 5.2% untuk 2018 dan 2019 selaras dengan trend pertumbuhan ekonomi global yang dijangka berkembang antara 3.0% hingga 3.3%. Ini akan memberi manfaat kepada aktiviti ekonomi domestik Malaysia dan meningkatkan keyakinan perniagaan untuk melabur di negara ini.
32. Namun begitu, MITI / MIDA *cautiously optimistic* dengan 2018 dan terus meningkatkan usaha menarik pelaburan berkualiti ke negara ini. Prestasi 2017,

sungguh pun sederhana, telah berjaya diperolehi walaupun berhadapan dengan persaingan antarabangsa yang signifikan. Meskipun penstrukturran semula dan penyusunan semula syarikat-syarikat telah mengakibatkan pemberhentian pekerja, perlu diperhatikan bahawa sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama kekal menggalakkan dan tidak ada kekurangan peluang dalam sektor ini. Sebahagian besar pekerja yang terjejas dalam sektor pembuatan telah diserap oleh firma lain yang berkembang di Malaysia, seperti Keysight, Inari, HP, Osram dan Infineon. Pelaburan baru yang akan datang, serta pengembangan aktiviti pelaburan oleh banyak firma yang ditubuhkan di negara ini juga akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia.

33. Pada 31 Januari 2018, MIDA mempunyai 379 projek perkhidmatan perkilangan & pengeluaran berkaitan dengan pelaburan berjumlah RM69.5 bilion dalam perancangan. Ini adalah terutamanya dalam produk jentera & logam, produk kimia, pertubuhan global dan perkhidmatan perniagaan.